



**MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (Company No. 902884V)  
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

**KENYATAAN TAWARAN**

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT"). Kerajaan Malaysia juga telah melantik MMC GAMUDA KVMRT (PDP) SDN BHD (927050-H) sebagai Rakan Pelaksana Projek yang bertanggung jawab dalam melaksana dan memastikan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang beroperasi dengan sepenuhnya.

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar untuk kerja-kerja yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

TAJUK TAWARAN & NO. TAWARAN	SYARAT-SYARAT TAWARAN	TAKLIMAT TAWARAN
<p><b>REQUEST FOR PROPOSAL FOR COMMERCIAL TELECOMMUNICATION SOLUTIONS AND SMART TECHNOLOGY PARTNERSHIP FOR MRT CORP SUNGAI BULOH- KAJANG LINE ("SBK LINE")</b></p> <p>(RFP NO: RFP/PD/Q019-2016)</p>	<p>Mempunya Lesen yang sah seperti berikut:</p> <p>1. <i>Network Service Provider Individual</i> ("<b>NSP (I)</b>") daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);</p> <p><b>Dan</b></p> <p>2. <i>Network Facilities Provider Individual</i> ("<b>NFP (I)</b>") daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);</p> <p><b>Dan</b></p> <p>3. <i>Application Service Provider Class</i> ("<b>ASP (C)</b>") daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)</p>	<p>Tarikh : <b>S e l a s a</b> , 10 Januari 2017 Masa : <b>10.00 am</b></p> <p>Tempat : <b>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Perak Auditorium, Level 7, Menara I &amp; P 1, 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</b></p> <p>Semua pemohon dikehendaki untuk mendaftar di antara pukul 9.15 pagi sehingga 9.45 pagi. Hanya dua (2) wakil dari setiap pemohon akan dibenarkan.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak pembida yang berminat mestilah kakitangan yang diberi kuasa oleh syarikat.</p>

Dokumen Tawaran boleh dibeli mulai **10 Januari 2017 (selepas taklimat) sehingga 19 Januari 2017** dari:

TEMPAT PENJUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN	WAKTU PENJUALAN DOKUMEN TAWARAN
<p>Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&amp;P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 9:00 Pagi – 12:30 Tengahari and 2:00 Petang – 5:00 Petang Jumaat: 9:00 Pagi - 12:00 Tengahari and 3:00 Petang – 5:00 Petang</p>

Pembelian Dokumen Tawaran mestilah disertakan dengan Draf Bank atau '*Banker's Cheque*' dengan nilai **RM 4,240.00 (termasuk 6% GST)** dan atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tawaran yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tawaran dan Nombor Tawaran di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp, Jabatan Perolehan tidak lewat dari jam **12:00 tengahari, Isnin, 20 Februari 2017**. Semua penyerahan lewat akan dibatalkan.

Selain dari syarat-syarat Tawaran di atas, Pemohon **WAJIB** memenuhi Kriteria Wajib seperti berikut:

<b>KRITERIA MANDATORI</b>	
Pembida yang memenuhi kriteria berikut dijemput untuk menghantar dokumen-dokumen tawaran yang telah dilengkapkan.	
KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN	PENGALAMAN KERJA
<p>a. Modal berbayar sekurang-kurangnya <b>Ringgit Malaysia : Dua Juta (RM2 Juta)</b>;</p> <p>b. Keuntungan bersih dalam <b>tempoh tiga (3) tahun</b> yang lalu mestilah positif.</p>	<p>(a) Memiliki sekurang-kurangnya <b>tiga (3) tahun</b> pengalaman di dalam melaksana dan mengurus infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi untuk pengendali kereta api terutama di dalam kerja-kerja pemasangan, mengendali dan menyelenggara peralatan telekomunikasi di dalam terowong, trek, kereta api dan di stesen ;</p> <p>(b) Memiliki sekurang-kurangnya <b>tiga (3) tahun</b> pengalaman di dalam melaksana, mengurus dan mengkomersil perkhidmatan Wi-Fi untuk orang awam dan perkhidmatan yang berkaitan ;</p> <p>(c) Memiliki sekurang-kurangnya kontrak bercagar untuk <b>satu (1)</b> pengendali MRT/LRT/kereta api di Malaysia di dalam mereka bentuk, membina, mengendali dan menyelenggara infastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi ; dan</p> <p>(d) Memiliki sekurang-kurangnya kontrak bercagar untuk <b>tiga (3)</b> pembekal telekomunikasi utama di Malaysia di dalam merekabentuk, membina, mengendali dan menyelenggara infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi.</p>

**Notes:**

- Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
- Pembida **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tawaran sepertimana yang dijadualkan di atas.
- Dokumen tawaran akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pembida boleh meneliti Dokumen Tawaran sebelum membuat pembelian.
- Dokumen tawaran hanya akan dijual kepada Pembida yang telah menghadiri sesi taklimat tawaran seperti dijadualkan di atas. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tawaran sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Dokumen Tawaran ini hanya akan dijual kepada wakil Pembida yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Pembida **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil beserta sijil-sijil pendaftaran yang **ASAL** dan **SALINAN YANG DISAHKAN (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A)** seperti dinyatakan di atas.
- Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj.(44) dlm JK/MP 53/WP(140/97), 23 June 2005].
- Dengan mengeluarkan kenyataan ini, MRT Corp. tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail to [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my)